



LAWATAN: Kasim melawat pameran selepas majlis pelancaran Living Lab.

Living Lab UMS pemangkin inovasi, beri manfaat kepada komuniti dan industri

UB 07.04.2023 P.02

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima dana RM2 juta daripada kerajaan Sabah bagi tujuan aktiviti penyelidikan, kata Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Haji Mansor.

Menurut beliau, sebahagian daripada dana yang diterima pada Mac lalu itu akan diguna sebagai dana makmal hidup (Living Lab) di universiti tersebut.

“Aplikasi Living Lab merupakan pendekatan kolaboratif untuk inovasi yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dan sering digunakan dalam bidang bandar pintar, penjagaan kesihatan, kelestarian dan pendidikan.

“Ia juga bagi merealisasikan hasrat negara menjadikan inovasi sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah merangka Pelan Pembangunan 10 tahun sehingga 2025 bagi menyokong pertumbuhan berkelaan,”

katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Living Lab di di Akuarium dan Muzium Marin, Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS, di sini, pada Rabu.

Menurut Kasim, UMS sebagai universiti komprehensif telah memulakan pembangunan Living Lab pada pertengahan tahun 2022 dan merupakan antara universiti yang komited dalam mewujudkan makmal hidup.

“Misi UMS adalah untuk memastikan Living Lab ini menjadi inspirasi kepada universiti, komuniti dan industri dalam mencipta inovasi yang bermanfaat kepada masyarakat dan industri, selaras dengan tema universiti sebagai Peneraju Masyarakat Berinovatif, “Leading Towards Innovative Societies”.

“Iamerangkum perkongsian kolaboratif antara ahli akademik, industri, kerajaan dan komuniti, bagi memastikan pertumbuhan

yang mampan terlaksana dengan pantas sekali gus mampu berkongsi idea agar pengkomersialan dapat direalisasikan.

“Dengan adanya Living Lab ini sebagai pemangkin inovasi, ia akan menghasilkan produk-produk serta perkhidmatan yang bermutu tinggi, termasuk memberi impak kepada mempertingkatkan sosio ekonomi masyarakat. Ia juga sekali gus merealisasikan Agenda Sabah Maju Jaya dalam konteks Malaysia Madani pada hari ini,” katanya.

Selain penyaluran sebahagian dana daripada sumbangan Kerajaan Sabah, Dr Kasim turut mengumumkan peruntukan UMS sebanyak RM500 ribu untuk Living Lab.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof Ir. Dr. Rosalam Sarbatly, Pegawai-pegawai Utama dan Kanan UMS, serta wakil daripada pihak industri dan komuniti.